

UPSI Terjemah Buku Pendidikan Luar Penulis Ternama Antarabangsa

Tanjong Malim, 28 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melakar sejarah dengan melancarkan buku Kepimpinan Berkesan dalam Pemprograman Aktiviti Luar (KBDPAL), terjemahan pertama karya Prof Dr Simon Priest ke dalam Bahasa Melayu, sempena Malaysian Outdoor Recreation and Education Conference (MOREC 2025) baru-baru ini. Pelancaran yang berlangsung pada 28 April 2025 itu dianjurkan menerusi Akademi Kepimpinan Pengembaraan dan Rekreasi Luar (AURORA) di bawah Pusat Kokurikulum UPSI, seiring tema 'Eco-Minds: Shaping Tomorrow's Leaders Through Outdoor Learning'. Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, inisiatif penterjemahan ini membuktikan komitmen UPSI dalam memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa kebangsaan dan memperluaskan akses kepada bahan akademik berkualiti tinggi.

Pelancaran buku ini mencerminkan usaha berterusan UPSI untuk memperkasakan bidang pendidikan luar sebagai satu cabang pendidikan penting dalam membina karakter dan kepimpinan generasi muda. Menurut beliau, penterjemahan karya bertaraf antarabangsa ke dalam Bahasa Melayu adalah langkah strategik untuk memperkuuhkan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu di rantau ini. "Kita berharap buku ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada pelajar UPSI, tetapi juga kepada pendidik, jurulatih rekreasi dan agensi berkaitan di seluruh negara serta Asia Tenggara," ujar beliau. Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum UPSI, Prof Madya Dr Mazuki Mohd Yassin berkata, AURORA mendapat kebenaran rasmi daripada pakar antarabangsa pendidikan luar, Dr Simon Priest, untuk menterjemahkan karya tersebut bagi kegunaan di rantau Asia Tenggara.

Katanya, pelancaran buku ini selaras dengan usaha memperkasa bidang pendidikan luar sebagai alat pembangunan sahsiah, kemahiran insaniah dan kepimpinan dalam kalangan generasi muda.

Dr. Simon Priest adalah tokoh terkemuka dalam bidang pendidikan luar, pernah berkhidmat sebagai Profesor

(1986-2018), Executive Director sebuah institut penyelidikan kecemerlangan (1986-1997), Dekan Pendidikan Profesional (2005-2008), serta memegang jawatan pentadbiran tinggi termasuk Provost, Naib Canselor, dan Penasihat Menteri Pendidikan bagi pembelajaran dalam talian (2016-2018).

"KBDPAL, yang diterbitkan semula oleh AURORA UPSI, adalah buku pertama dalam bidang pendidikan luar yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Menurutnya, buku setebal 134 halaman ini mengandungi teknik dan kaedah kepimpinan berkesan dalam pemprograman aktiviti luar, bertujuan memperkasakan rekreasi luar bukan sahaja sebagai aktiviti riadah, malah sebagai alat pendidikan, pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan komuniti.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Pendidikan rekreasi luar penting bentuk individu berdaya tahan

Tanjong Malim, 29 April -

Pendidikan rekreasi luar perlu diangkat sebagai pendekatan holistik dalam membentuk individu berdaya tahan, bertanggungjawab dan seimbang sejajar dengan keperluan pembangunan insan masa kini.

Menurut Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, Mohd Syaiful Fahmi Mohd Salleh, dalam era penggunaan teknologi digital yang meluas, aktiviti rekreasi luar semakin penting bagi membantu mengekalkan kesihatan fizikal dan mental, selain memperkuuhubungan sosial dan keseimbangan emosi. Beliau berkata, rekreasi luar bukan sekadar aktiviti riadah, sebaliknya ia adalah satu gaya hidup yang mendekatkan kita dengan alam semula jadi, membina daya tahan, memupuk kerjasama berpasukan serta menguatkan jasmani dan rohani.

Menurutnya, bidang rekreasi luar di Malaysia berkembang pesat sebagai sebahagian usaha memajukan budaya dan pelancongan negara, melalui pelbagai aktiviti yang direka untuk semua lapisan masyarakat. "Kerajaan memberi sokongan penuh kepada pembangunan rekreasi luar, antaranya melalui pelancaran program Edu+ oleh

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang menggabungkan elemen pendidikan dengan pengalaman pelancongan, penerokaan budaya, ekopelancongan dan aktiviti sukan. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Rekreasi Luar dan Pendidikan Malaysia (MOREC) 2025 yang berlangsung di UPSI Adventure Park, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini. Sementara itu, Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman berkata, MOREC 2025 bertemakan 'Eco-Minds: Shaping Tomorrow's Leaders Through Outdoor Learning', bertujuan menonjolkan nilai rekreasi luar bukan sahaja sebagai aktiviti riadah, malah sebagai alat untuk pendidikan, pemuliharaan dan pembangunan komuniti.

"Persidangan ini menghimpunkan peserta dari pelbagai latar belakang termasuk penyelidik, pendidik, profesional industri dan pengamal rekreasi luar untuk berkongsi pandangan, pengalaman dan idea dalam membentuk masa depan bidang yang menarik ini," katanya. Beliau turut menekankan bahawa aktiviti rekreasi luar kini berkembang daripada sekadar aktiviti riadah kepada platform pendidikan holistik yang memperkasa pembelajaran berdasarkan pengalaman.

Regatta Kayak UPSI Kali ke - 16 2025

Tanjong Malim, 3 Mei - Sedang berlangsung meriah regatta kayak UPSI Kali ke-16 melibatkan penyertaan sebanyak 29 pasukan bersaing dengan penuh semangat kesukanan. Menjadi hasrat Naib Canselor UPSI Prof.Dato' Dr. Md Amin Md Taff agar UPSI berupaya untuk menjadi hub pembangunan untuk Perkembangan Sukan Kanu Negara dengan tasik dan kemudahan baharu yang dibangunkan oleh pihak universiti untuk tujuan latihan, kejurulatihan serta penyelidikan Sukan Kanu berdasarkan elemen sains sukan. UPSI juga bersedia untuk membuka perkhidmatan kepada semua negeri untuk datang menjalankan latihan

dan mendapatkan kepakaran sains sukan disini dari aspek kejurulatihan, pengurusan dan kem latihan atlet di samping membuka peluang atlet untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat Diploma, Ijazah, Master dan PhD.

Menurut penasihat kejohanan Prof. Madya Dr. Jaffry Zakaria regatta kayak UPSI kali ke-16 ini kesinambungan dari kejohanan rasmi pertama tahun 2006 berlangsung di Tasik Balun, Slim River Perak yang mana kejohanan kali ini 100% diuruskan oleh pelajar dengan pemantauan penasihat dari pegawai Pusat Sukan UPSI.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) – Pendayaupayaan Pengguna Bestari Melalui Kemahiran dan Pengetahuan dalam Advokasi Kepenggunaan di Institut Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Program KTP ini bertujuan menyebarkan ilmu kepenggunaan selama enam bulan kepada 30 remaja di Institut Pemulihan Akhlak Taiping melalui modul pengguna bijak, fokus pada kewangan, pilihan dan keselamatan siber.

Ilmu Yang Berjaya dipindahkan:

Remaja di Institut Pemulihan Akhlak dididik ilmu kepenggunaan, pengurusan kewangan dan keselamatan siber untuk menghadapi kehidupan pada masa akan datang.

Hasil Akhir kepada Industri:

Sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap kebajikan pelatih, JKM mendapat manfaat melalui peningkatan keberkesanan program

pemulihan dan pembangunan kendiri di STB. Pelaksanaan program ini menyokong matlamat strategik JKM dalam memastikan pelatih menerima intervensi yang holistik dan berimpak tinggi. Selain itu, kejayaan program ini dapat menjadi model untuk inisiatif masa hadapan yang melibatkan kolaborasi dengan institusi pendidikan dan pihak luar.

Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:

Program ini telah meningkatkan kesedaran kewangan, kemahiran hidup, keyakinan diri dan motivasi pelatih untuk mencorak masa depan yang lebih baik.

Hasil Akhir Tidak Langsung Yang Diterima Oleh Industri / Komuniti (Sasaran):

Program ini dapat meningkatkan keyakinan terhadap institusi dan menjadikan peserta lebih sedar peranan mereka dalam pembangunan sosial dan ekonomi.

Isu/Cabar Projek:
Hanya GI lelaki dibenarkan hadir melatih pelatih untuk program KTP ini kerana latar belakang pelatih tidak membolehkan GI wanita turut serta.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:

Dr. Asmawi Hashim (FPE)
Dr. Mohammad Rohieszan Ramdan
Prof. Madya Dr. Norimah Rambeli@ Ramli
Pn. Ruzimas Ayu Razali (PSAS)

Pn. Noor Hayati Zaman (JKM)



250 Mahasiswa, Pensyarah dan Staf FPM Gempur Felda Trolak Selatan untuk Program Khidmat Masyarakat



Majlis Makan Malam Naib Canselor UPSI bersama Peserta Regatta Kayak 2025



Lawatan dan kunjungan Pelajar Sarjana Muda Sains Sukan UPNM ke Pusat Sukan UPSI



Tanjong Malim
Kejohanan Sukan Staf KIESTA 2025 memulakan saingan